

Town and Gown hebah Konvokesyen UTHM, Sabtu ini

BATU PAHAT 28 Sept. – Seramai 1,835 peserta akan berarak mengelilingi bandar ala *Town and Gown* di jalan-jalan utama di bandar ini pada Sabtu ini sempena Majlis Konvokesyen Kesepuluh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Perarakan sejauh 2.58 kilometer itu yang akan bermula pukul 8.30 malam, bertujuan menghebahkan kepada orang ramai tentang majlis konvokesyen universiti tersebut pada 10 hingga 12 Oktober ini.

Tambah menarik, perarakan dari 35 kontinjen itu akan diketuai Pasukan Berkuda Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan dimeriahkan lagi dengan persembahan kumpulan genderang yang diiringi paluan kompong serta peragaan pakaian tradisional.

Malah, sekumpulan penunggang 40 motosikal berkuasa besar dan perarakan kereta berhias pada majlis itu dijangka menarik perhatian ramai.

Pegawai Perhubungan Awam UTHM, Shafry Salim berkata, kemuncak perarakan adalah upacara pengisytiharan konvokesyen universiti dan penyerahan skrol konvokesyen

oleh Pendaftar UTHM kepada Pegawai Daerah, Norizan Kulob.

“Acara kemuncak itu akan diadakan di Astaka Stadium Batu Pahat dan pengunjung turut akan dihiburkan dengan persembahan kebudayaan serta deklamasi puisi,” katanya di sini, baru-baru ini.

Shafry berkata, sebahagian daripada alumni UTHM akan mengenakan pakaian jubah konvokesyen universiti itu dalam perarakan yang diadakan di jalan-jalan utama di bandar ini iaitu Jalan Ampuan, Jalan Mohd. Salleh dan Jalan Rahmat.

“Perarakan konvokesyen seperti itu yang juga dikenali sebagai *Communiversity Celebration* menjadi amalan turun temurun beberapa universiti ternama di luar negara seperti University Princeton, Charles Stuart, St. Andrews dan Michigan Ann Arbor.

“Sehubungan itu, saya meminta orang ramai tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan perarakan unik tersebut yang diharapkan akan dijadikan acara tahunan dan dimasukkan dalam kalender pelancongan khususnya bagi daerah ini,” katanya.